

NUS galak belajar sepanjang hayat, tawar 140 kursus percuma kepada alumni

DALAM menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, Universiti Nasional Singapura (NUS) menawarkan 140 kursus kepada siswazahnya sepanjang tiga tahun akan datang.

Daya usaha perintis ini akan bermula dari Ogos 2017 hingga Julai 2018 dan modul itu akan disediakan percuma kepada 278,000 siswazah NUS.

Selepas dua tahun, bayaran kursus – meliputi sekitar \$3,000 hingga \$3,500 setiap modul – akan terus diketepikan.

Namun, bayaran khidmat pelajar sebanyak \$261.85 akan dikenakan bagi setiap semester, tambah NUS dalam kenyataan, kelmarin.

Modul itu ditawarkan oleh lapan sekolah dan fakulti: Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Sekolah Perniagaan NUS, Sekolah Pengkomputeran, Sekolah Reka Bentuk dan Sekitaran, Fakulti Kejuruteraan, Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Fakulti Sains dan Sekolah Pendidikan Berterusan dan Sepanjang Hayat.

Antara modul itu ialah:

- ▶ Pemprosesan Data Besar dalam Sains Data (Sekolah Pengkomputeran)
- ▶ TechLaunch – Perusahaan Eksperensial (Fakulti Kejuruteraan)
- ▶ Perusahaan Sosial (Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew)
- ▶ Pengurusan Risiko Kewangan (Sekolah Perniagaan NUS)

Siswazah yang mengambil modul-modul ini akan belajar bersama mahasiswa NUS semasa penggal biasa, iaitu dari Ogos hingga Disember dan Januari hingga Mei.

Senarai penuh kursus relevan boleh didapatkan di laman NUS, dan permohonan telah dibuka hingga 31 Mei.